# PTPTN DI SANA SINI
# RAMADAN 1435H










Sempena Bulan Ramadan Al Mubarak, PTPTN telah mengadakan **Kempen Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN** yang dilaksanakan pada 14 Julai 2014 hingga 15 Ogos 2014. Di antara pengisian program adalah seperti berikut:

1. **Pembukaan Kaunter PTPTN Di Pasaraya dan Pejabat Pos Terpilih**

   Promosi melibatkan pembukaan kaunter SSPN-*i* dan bayaran balik di pasaraya dan Pejabat Pos terpilih di seluruh Malaysia.

2. **Program Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan SSPN-*i* Kepada Anak-Anak Yatim**

   Merupakan program di mana Pejabat PTPTN Negeri meraikan anak-anak yatim di rumah perlindungan yang terpilih melalui majlis berbuka puasa dan penyampaian sumbangan akaun SSPN-*i*, duit raya dan hamper raya. Penganjuran majlis tersebut merupakan hasil daripada sumbangan kakitangan PPN dan individu luar yang berbentuk wang tunai dan barangan keperluan harian.

3. **Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN**

   Promosi Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN diadakan di Pejabat PTPTN Negeri serta lokasi kaunter PTPTN di pasaraya terpilih. Cabutan menawarkan hadiah berupa hamper raya yang menarik. Penyertaan terbuka kepada semua pendeposit yang membuka akaun/ membuat penambahan deposit SSPN-*i* atau penerima biaya yang membuat bayaran balik pembiayaan PTPTN di dalam tempoh yang telah ditetapkan. Semua penyertaan adalah tertakluk kepada terma dan pendeposit/ penerima biaya yang berjaya akan dimaklumkan setelah tamat tempoh promosi.



Pegawai PPN Kuala Lumpur memberi penerangan kepada pelanggan yang membuat bayaran balik untuk menyertai cabutan Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN







Hamper menarik menanti pelanggan bertuah di PPN Kuala Lumpur

Di antara hadiah menarik menanti pelanggan yang membuka dan membuat transaksi SSPN-$i$ di Kaunter PTPTN Pejabat Pos Brickfields






Pegawai PTPTN bersedia untuk memberi khidmat rundingan kepada pelanggan di kaunter PTPTN Pejabat Pos Sungai Besi




Pegawai PTPTN memberi penerangan berkenaan dengan SSPN-$i$ kepada seorang bapa di Pasaraya Aeon Big Kepong



PEJABAT PTPTN WP KUALA LUMPUR

Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan, Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur



Hamper cabutan Meriahnya Hari Raya
Bersama PTPTN di OSC KL Sentral






Pengunjung Pasaraya One Utama tidak melepaskan peluang mendapatkan maklumat PTPTN lebih terperinci dengan kehadiran pegawai PTPTN di pasaraya tersebut







Pelanggan yang membuat bayaran balik dan melakukan transaksi SSPN-$i$ berpeluang untuk menyertai cabutan Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN



Sambutan hangat yang diterima sempena pembukaan kaunter PTPTN di Pasaraya Aeon Kepong Prima



Pelanggan mendapatkan maklumat PTPTN sempena pembukaan kaunter di Pasaraya Tesco Extra Selayang




Kaunter PTPTN di Pasaraya Tesco Scoot Garden



Puan Rahimah binti Senin, Pengurus Besar Negeri, Pejabat PTPTN WP Putrajaya turut turun padang menjayakan program edaran brosur PTPTN, kuih dan sampul raya kepada pengunjung Putrajaya Sentral






Pegawai PTPTN mengedarkan brosur, kuih dan sampul raya serta memberi penerangan ringkas PTPTN kepada pengunjung Putrajaya Sentral. Edaran brosur secara sisipan melalui surat khabar dan majalah juga dilaksanakan di kawasan kediaman sekitar Putrajaya, Bandar Baru Bangi dan Kajang









Pembukaan kaunter PTPTN di Masjid Sultan Mizan memudahkan jemaah yang bersolat di masjid tersebut mendapatkan informasi PTPTN. Imam Besar Masjid juga telah bersetuju untuk menandatangani Sahabat dengan PPN WP Putrajaya



Sambutan hangat daripada pengunjung Bangi Gateway sempena Promosi Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN








Edaran brosur dan sampul raya di pejabat-pejabat kerajaan di Putrajaya termasuk edaran di Kementerian Pendidikan Malaysia

Sebanyak 100 bunting hebahan dan promosi kempen Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN dipasang di lokasi-lokasi strategik di sekitar Putrajaya






Di antara 50 buah hamper bernilai RM30, RM50, RM100 dan RM200 menanti pemenang cabutan Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN di PPN WP Putrajaya



PEJABAT PTPTN
WP PUTRAJAYA

Kementerian Pendidikan Malaysia
No. 2, Menara 2, Jalan P5/6
Presint 5, 62200 Putrajaya

Tuan Haji Zulkifli bin Ansari, Pengurus Besar Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Selangor menyampaikan Taklimat PTPTN sempena Perhimpunan Bulanan Pejabat Pendidikan Daerah Klang, Selangor pada 11 Julai 2014



Warga Pejabat Pendidikan Daerah Klang dan guru-guru dari daerah Klang tekun mendengar taklimat yang disampaikan








Taklimat SSPN-*i* Dan Sahabat Kepada Guru-Guru Besar anjuran Pejabat Pendidikan Daerah Klang di Tower Regency Hotel & Apartments, Ipoh, Perak melibatkan 42 buah sekolah rendah terpilih di Selangor pada 16 Julai 2014







Puan Norhayati binti Mohd Sabri, Timbalan Pengurus Besar Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Selangor menyampaikan cenderahati kepada wakil Pejabat Pendidikan Daerah Klang







NSK Klang

Suasana dan sambutan pengunjung terhadap pembukaan kaunter PTPTN di pasaraya terpilih di negeri Selangor amat menggalakkan


Mydin Semenyih


Mydin Subang Jaya

Hamper raya bernilai RM40, RM60, RM80 dan RM200 menanti pendeposit bertuah di Kaunter PPN Selangor



Encik Mohd Shahrom bin Yusof, Pengurus Besar Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Sembilan menyampaikan sumbangan akaun SSPN-*i*, duit raya dan hamper raya kepada anak-anak yatim di Pertubuhan Anak-anak Yatim Negeri Sembilan (PERYAKIN) pada 23 Julai 2014









Kaunter Promosi Meriahnya Hari Raya bersama PTPTN di Giant Senawang







Pegawai PPN Negeri Sembilan menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim di Rumah Anak-anakku Sayang Negeri Sembilan pada 24 Julai 2014. Jumlah keseluruhan sumbangan untuk kedua-dua Rumah Anak Yatim tersebut adalah bernilai RM1,633.00 termasuk pembukaan 30 akaun SSPN-*i* hasil daripada sumbangan kakitangan PPN Negeri Sembilan dan individu perseorangan berbentuk wang tunai



PEJABAT PTPTN NEGERI SEMBILAN

Tingkat 3, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan
Jalan Yam Tuan 70000 Seremban
Negeri Sembilan



Hamper raya untuk pelanggan bertuah yang membuka akaun SSPN-$i$ dan membuat penambahan deposit sekurang-kurangnya RM50 bagi tempoh promosi 14 Julai 2014 hingga 15 Ogos 2014 di PPN Melaka




Pendeposit SSPN-$i$ menyertai cabutan Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN di PPN Melaka







Tenaga kerja daripada PPN Melaka yang telah bertungkus lumus menjayakan Kempen Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN





Setelah selesai membuat bayaran balik, penerima biaya layak untuk menyertai cabutan Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN



Kakitangan PPN Johor melaksanakan persiapan terakhir sebelum menerima kunjungan pelanggan di Batu Pahat Mall



Kaunter PTPTN di Pejabat Pos Muar








Pegawai PTPTN mengagihkan sumbangan kepada Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam Kluang, Johor pada 18 Julai 2014

Sebuah keluarga berminat untuk mendapatkan informasi berkaitan SSPN-*i* di kaunter PTPTN di Tesco Desa Tebrau








Anak-anak Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam Kluang bergambar kenangan bersama kakitangan PTPTN setelah selesai majlis





PEJABAT PTPTN NEGERI JOHOR

No. 17, Jalan Padi Emas 1/5, Uda Business Centre
Bandar Baru Uda 81200 Johor Bahru, Johor

PEJABAT PTPTN CAWANGAN UTC JOHOR

Pusat Transformasi Bandar (UTC) Johor
L3-UTC-04, Galeria @ Kotaraya, Jalan Trus
80000 Johor Bahru, Johor





Majlis Sumbangan Duit Raya Pegawai PPN Perak Kepada Anak Yatim diadakan pada 12 Julai 2014 bertempat di Restoran D'Polo, Ipoh, Perak. Seramai 60 orang anak yatim telah menerima duit raya sumbangan ikhlas dari kakitangan PPN Perak

Seramai 42 orang anak yatim daripada Rumah Anak Yatim Bait Al-Amin, Parit, Perak menerima sumbangan duit raya dalam bentuk pembukaan akaun SSPN-*i*. Majlis penyerahan sumbangan diadakan pada 15 Julai 2014











Encik Ahmad Shahril @ Muhammad Shahril bin Ghazali, Pengurus Besar Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Perak menyampaikan sumbangan kemanusiaan hasil kutipan pegawai PPN Perak berjumlah RM1,010.00 kepada Palestin melalui Aman Palestin Negeri Perak. Sumbangan diterima oleh Encik Khairul Amin bin Ibrahim, Pengurus Aman Palestin Negeri Perak pada 11 Julai 2014












Warga kerja PPN Perak menjayakan pembukaan kaunter PTPTN sempena Promosi Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN di pasaraya terpilih di seluruh negeri Perak dari 14 hingga 20 Julai 2014. Sambutan yang diterima dari para pengunjung amat menggalakkan







PEJABAT PTPTN
CAWANGAN
UTC PERAK

Lot No. LA 18, Urban Transformation Centre (UTC) Perak
Off Jalan Dato' Onn Jaafar 30300 Ipoh, Perak



GWGFX Malaysia menyampaikan sumbangan duit raya sebanyak RM800 di dalam bentuk pembukaan akaun SSPN-*i* kepada 40 orang anak yatim dari asrama anak yatim sekitar Ipoh. Sumbangan disampaikan sempena Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak Yatim anjuran GWGFX Malaysia pada 12 Julai 2014 bertempat di Wisma Dato' Dino, Ipoh, Perak





YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, Pengerusi PTPTN menyampaikan sumbangan duit raya kepada 50 orang pelajar sempena Majlis Iftar Bersama YB Pengerusi PTPTN pada 24 Julai 2014 bertempat di Surau Insaniah, Lenggong, Perak



Encik Ahmad Shahril @ Muhammad Shahril bin Ghazali, Pengurus Besar Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Perak menyerahkan baju kempen menabung di dalam SSPN-*i* dengan tema 'Moh Menabung Dalam SSPN-*i*' kepada YB Pengerusi PTPTN sebagai simbolik untuk memperhebatkan lagi kempen bagi menggalakkan rakyat Malaysia untuk terus menabung di dalam SSPN-*i*





Hamper raya menanti pelanggan PPN Perak yang bertuah



## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) PTPTN

PROGRAM PTPTN PRIHATIN DI RUMAH AMAL BUDI BISTARI DIADAKAN PADA 24 JULAI 2014 BERTEMPAT DI RUMAH AMAL BUDI BISTARI, RAWANG, SELANGOR






Kakitangan PTPTN melaksanakan aktiviti keceriaan seperti gotong-royong membersihkan kawasan dan menghias rumah dengan kelengkapan menyambut Syawal



Anak-anak penghuni rumah amal dibantu kakitangan PTPTN memilih kelengkapan Hari Raya di Pasaraya Giant, Rawang



YBhg. Ustaz Wan Shohor Bani bin Leman menyampaikan ceramah motivasi untuk meningkatkan keyakinan diri dan membina sikap positif di antara penghuni rumah amal



Anak-anak penghuni rumah amal bermain aktiviti kecerdasan minda seperti *puzzle*,mewarna dan teka silang kata



Encik Agos Cholan, Ketua Eksekutif PTPTN menyampaikan sumbangan kelengkapan dan duit raya kepada penghuni rumah amal

Wakil Rumah Amal Budi Bistari menerima sumbangan barangan keperluan harian dan kelengkapan rumah seperti mesin basuh, almari, kipas, meja dan alat tulis daripada Ketua Eksekutif PTPTN





Majlis berbuka puasa bagi mengeratkan lagi silaturrahim di antara anak–anak penghuni rumah amal dengan pegawai dan kakitangan PTPTN

Cik Mastura binti Mohd Khalid, Ketua Pegawai Pemasaran dan Komunikasi Strategik PTPTN menyampaikan sumbangan beg sekolah SSPN-*i* dan alat tulis kepada anak-anak penghuni rumah amal





Anak-anak Rumah Amal Budi Bistari merakamkan gambar kenangan bersama pegawai dan kakitangan PTPTN yang terlibat







Pejabat PTPTN Negeri Kedah dan Perlis menganjurkan Majlis Amal Berbuka Puasa Bersama Anak–Anak Yatim Rumah Budi, Yan, Kedah pada 4 Julai 2014 di Hotel Grand Alora, Alor Setar. Pada majlis tersebut, anak yatim menerima sumbangan berjumlah RM2,350.00 melibatkan agihan duit raya, pembukaan akaun dan penambahan deposit SSPN-*i*





Anak-anak yatim tekun mendengar tazkirah Ramadan oleh Ustaz Attan Thowi sementara menunggu waktu berbuka puasa





Juruhebah dan pegawai PTPTN membuat hebahan mengenai pembukaan kaunter PTPTN sempena program Gempak Raya di Amanjaya Mall, Sungai Petani, Kedah



Di antara para pelanggan yang layak untuk menyertai Cabutan Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN Di Amanjaya Mall





Para pengunjung Amanjaya Mall tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan informasi lanjut berkenaan dengan PTPTN







Hamper Raya bernilai RM30, RM50, RM100 dan RM200 yang ditawarkan oleh PPN Kedah



Pelanggan PPN Kedah memasukkan borang penyertaan cabutan Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN ke dalam peti cabutan



PEJABAT PTPTN CAWANGAN UTC KEDAH

4-11 UTC, Tingkat 4, Bangunan UTC
Kompleks MBAS, Jalan Kolam Air
05675 Alor Setar, Kedah



Pengunjung mendapatkan khidmat rundingan di kaunter PTPTN






Hamper menarik menanti pelanggan PPN Perlis yang bertuah



Seorang bapa sedang membuka akaun SSPN-*i* untuk anaknya di Pasaraya C-Mart, Arau, Perlis







Pegawai PTPTN bersama-sama Anak-Anak Yatim Pertubuhan Permata Al Mahabbah sempena Majlis Amal Berbuka Puasa pada 23 Julai 2014. Seramai 25 orang anak yatim menerima sumbangan duit raya dan keperluan harian hasil keprihatinan pegawai PPN Pulau Pinang dan orang ramai






YM Raja Syahriman bin Raja Halimul Rashid, Pengurus Besar Negeri, Pejabat PTPTN Pulau Pinang menyampaikan motivasi kepada penghuni rumah anak yatim



PEJABAT PTPTN NEGERI PULAU PINANG

No. 53, Jalan Todak 6
Pusat Perniagaan Bandar Sunway Perdana
13700 Seberang Jaya, Butterworth
Pulau Pinang










Wakil PPN Pulau Pinang menyerahkan sumbangan berupa barangan keperluan harian bernilai RM100 kepada 10 keluarga asnaf zakat Negeri Pulau Pinang pada 24 Julai 2014. Sumbangan diserahkan melalui Kelab Sukan & Kebajikan PTPTN serta kakitangan PPNP kepada penerima yang terdiri daripada ibu tunggal, keluarga miskin, daif, muallaf, pesakit yang memerlukan rawatan susulan







PEJABAT PTPTN NEGERI
PULAU PINANG

No. 53, Jalan Todak 6
Pusat Perniagaan Bandar Sunway Perdana
13700 Seberang Jaya, Butterworth
Pulau Pinang

Puan Nurkhairiah binti Nawi, Timbalan Pengurus Besar Negeri, Pejabat PTPTN Pulau Pinang menyerahkan sumbangan kepada Palestin melalui wakil Aqsa Syarif Negeri Pulau Pinang, Dr. Md. Roslan bin Hashim pada 22 Julai 2014






Pegawai PPN Pulau Pinang tekun mendengar penerangan oleh wakil Aqsa Syarif Negeri Pulau Pinang berkenaan dengan misi organisasi tersebut

Pegawai PPN Pulau Pinang bersedia untuk menerima kunjungan pelanggan di kaunter PTPTN Pasaraya Mydin Bukit Jambul






PEJABAT PTPTN NEGERI PULAU PINANG

No. 53, Jalan Todak 6
Pusat Perniagaan Bandar Sunway Perdana
13700 Seberang Jaya, Butterworth
Pulau Pinang





Wajah-wajah ceria di antara 50 orang anak yatim yang menerima sumbangan pembukaan akaun SSPN-*i* pada 21 Julai 2014




Wakil PPN Pahang menyerahkan cenderahati kepada wakil anak yatim

Hamper cabutan Meriahnya Hari Raya di PPN Pahang





PEJABAT PTPTN NEGERI PAHANG

No. 48, Malay Town, Jalan Putra Square 1, Putra Square
25200 Kuantan, Pahang

PEJABAT PTPTN CAWANGAN UTC PAHANG

No. 2-20, Pusat Transformasi Bandar (UTC Pahang)
Bangunan UTC Pahang, Jalan Stadium 25200 Kuantan, Pahang



Suasana meriah dan sambutan menggalakkan yang diterima oleh kaunter PTPTN di Pasaraya Mesra Mall Kemaman, Terengganu pada 25-26 Julai 2014






Di antara para pengunjung yang berminat untuk mendapatkan informasi PTPTN dan membuka akaun SSPN-*i*







Kakitangan Syarikat Delphi Sdn. Bhd. Kuala Terengganu mendengar penerangan ringkas berkenaan SSPN-*i* sempena pembukaan kaunter PTPTN di kilang tersebut pada 1 Julai 2014




Cik Mastura binti Mohd Khalid, Ketua Pegawai Pemasaran dan Komunikasi Strategik PTPTN menyerahkan replika sumbangan SSPN-*i* kepada wakil 134 orang Anak Yatim/ Fakir Miskin Darul Akhyar sempena program Ceramah Perdana "Transformasi Minda Masyarakat ke Arah Kebertanggungjawaban Menjaga Kebersihan Persekitaran Dan Pemuliharaan Alam Sekitar" anjuran Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) pada 13 Julai 2014




Di antara 134 orang Anak Yatim/ Fakir Miskin Darul Akhyar yang diraikan



PEJABAT PTPTN NEGERI TERENGGANU

No. 37 (B6) Blok B, Tingkat Bawah, 1 & 2, Dataran Emas Jalan Sultan Sulaiman 20200 Kuala Terengganu Terengganu




Di antara tetamu kehormat yang hadir sempena Program Ihya' Ramadan dan Majlis Iftar Bersama Anak Yatim/ Asnaf Parlimen Kuala Krai pada 23 Julai 2014 di Dewan Besar Pejabat Kesedar Wilayah Kuala Krai, Kelantan

Encik Mohd Azrul Akmal bin Mamat, Pengurus Besar Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Kelantan menyampaikan sumbangan hari raya kepada 50 orang anak yatim/ asnaf dari Parlimen Kuala Krai



Majlis berbuka puasa bersama anak-anak yatim





Anak-anak yatim/ asnaf ceria selepas diraikan sempena Program Ihya' Ramadan Dan Majlis Iftar Bersama Anak Yatim/ Asnaf Parlimen Kuala Krai



Hadiah hamper raya bernilai RM30, RM50, RM100 dan RM200 yang ditawarkan oleh PPN Kelantan







Penyampaian sumbangan kepada keluarga pegawai PPN Melaka, Puan Nur Azilan binti Zakaria di Cherang Ruku, Pasir Puteh yang telah ditimpa bencana alam. Sumbangan diberikan di dalam bentuk wang tunai bernilai RM2,568, hamper dan juga barangan keperluan bagi meringankan beban keluarga






Aktiviti pemasangan bahan promosi PTPTN di seluruh Kelantan









Kempen Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN di pasaraya terpilih, sekolah dan agensi





PEJABAT PTPTN CAWANGAN KUALA KRAI

PT5555 Tingkat Bawah & 1, Taman Yani
KM1.5 Lebuhraya Kuala Krai - Gua Musang
18000 Kuala Krai, Kelantan

Anak-anak yatim menerima sumbangan duit raya dan keperluan harian daripada PPN Sabah sempena Majlis Berbuka Puasa GWGFX BBH Group Sabah Bersama Rumah Anak Kesayangan Taman Sempelang pada 13 Julai 2014 di The Pacific Sutera Hotel, Kota Kinabalu




Para tetamu tekun mendengar tazkirah Ramadan sementara menunggu waktu berbuka puasa









Wakil GWGFX BBH Group Sabah menyerahkan sumbangan wang tunai bernilai RM3,000 di mana RM1,600 daripada sumbangan tersebut disumbangkan di dalam bentuk pembukaan akaun SSPN-$i$ untuk diagihkan kepada 80 orang anak yatim






Wajah-wajah ceria anak-anak yatim dari Rumah Anak Kesayangan Taman Sempelang setelah menerima sumbangan PTPTN





PEJABAT PTPTN NEGERI SABAH

B1-06, Tingkat 1, Warisan Square, Jalan Tun Fuad Stephens
88100 Kota Kinabalu, Sabah



Pelanggan mendapatkan khidmat rundingan bayaran balik sempena pembukaan kaunter PTPTN di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah




Seorang ibu tidak melepaskan peluang untuk membuka akaun SSPN-*i* untuk anaknya





Pegawai PTPTN menyampaikan informasi kepada pelanggan yang berkunjung ke kaunter PTPTN





PEJABAT PTPTN CAWANGAN TAWAU

TB 4334, Lot 14, Tingkat 1 (Corner)
Blok 31 & 32, Fajar Commercial Complex
Jalan Merdeka 2/3, 91000 Tawau, Sabah



Pelanggan PPN Sarawak yang bertuah berpeluang untuk memenangi hamper menarik



Pegawai PTPTN menyampaikan taklimat kepada guru dan pelajar sekolah di daerah Miri untuk memberi lebih pendedahan berkaitan skop perkhidmatan PTPTN



Kakitangan PPN Sarawak melaksanakan persiapan terakhir sebelum Promosi Sahabat PTPTN di sekolah-sekolah daerah Miri, Sarawak





Promosi Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN menerima sambutan menggalakkan daripada warga Sarawak

Aktiviti menghias kaunter PPN Sarawak untuk menyemarakkan lagi Kempen Meriahnya Hari Raya Bersama PTPTN











Tenaga kerja daripada PPN Sarawak yang terlibat dengan Promosi Sahabat di Miri



PEJABAT PTPTN NEGERI SARAWAK

Lot 519, No. 15-I, Section 6, Al-Idrus Commercial Centre
Jalan Kulas 93400 Kuching, Sarawak

www.ptptn.gov.my

icare.ptptn.gov.my

03-2080 4455

Perbadanan Tabung
Pendidikan Tinggi
Nasional (PTPTN)

@twitptptn

SaluranMediaPTPTN

instaptptn